

PENGGUNAAN BILINGUAL BAHASA ARAB DAN MINAT MURID DALAM SUBJEK USULUDDIN DI SABK MELAKA TENGAH

[THE USAGE OF BILINGUAL ARABIC LANGUAGE AND STUDENT'S INTEREST
IN THE SUBJECT OF USULUDDIN AT SABK SCHOOL IN MELAKA TENGAH]

MUHAMMAD FAIEZ GHAZALI^{1*} & HARUN BAHARUDIN¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: harun@ukm.edu.my

Received: 02 July 2024

Accepted: 28 July 2024

Published: 12 August 2024

Abstrak: Penggunaan bilingual Bahasa Arab di dalam subjek Usuluddin telah dilaksanakan di sekolah-sekolah SABK seluruh Malaysia sejak tahun 2015. Pelaksanaannya telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan pihak terlibat. Tujuan penulisan ini dilakukan untuk melihat pelaksanaan pembelajaran subjek Usuluddin di dalam Bahasa Arab serta hubungkait antara penguasaan Bahasa Arab dan minat murid terhadap subjek berkenaan di SABK Daerah Melaka Tengah. Ia berikutan himpunan kajian berkaitan pembelajaran menggunakan bahasa pengantar Bahasa Arab bagi subjek-subjek khusus dalam kalangan murid-murid di SABK yang terhad. Bagi mengisi kelompongan sedia ada, kajian kali ini memberi penekanan berkenaan penggunaan bilingual Bahasa Arab bagi subjek Usuluddin KBD. Kajian dilakukan untuk mengetahui secara lebih terperinci bagaimana respon murid-murid terhadap isu berkenaan seterusnya membuat kesimpulan yang tepat berdasarkan kajian yang dijalankan. Seramai 156 orang responden telah menyertai kajian ini dengan mengisi borang soal selidik yang diedarkan secara maya. Mereka yang terlibat adalah murid-murid di Sekolah Menengah Agama JAIM Al Ahmadi yang terletak di Daerah Melaka Tengah, Melaka sesuai dengan lokasi kajian yang dipilih. Dapatkan kajian menunjukkan tahap penguasaan Bahasa Arab murid dan minat mereka terhadap subjek Usuluddin berada pada tahap sederhana. Manakala dapatan ujian korelasi juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah.

Kata Kunci: Bahasa, Arab, Usuluddin, Bilingual, KBD, SABK.

Abstract: The usage of bilingual Arabic Language in the Usuluddin subject has been implemented in SABK schools across Malaysia since 2015. Its implementation has sparked various reactions among the involved parties. The purpose of this writing is to examine the implementation of the Usuluddin subject learning in the Arabic Language and the correlation between Arabic Language proficiency and students' interest in the subject at SABK in the Melaka Tengah District. This follows a collection of studies related to learning using Arabic as the medium of instruction for specific subjects among students in SABK. This research fills the previous gap by emphasizing the study of the use of bilingual Arabic for the Usuluddin subject. The research examines in detail how students respond to the issues and draws accurate conclusions based on that. A total of 156 respondents participated in this study by completing an online questionnaire. The participants were students at Sekolah Menengah Agama JAIM Al Ahmadi an SABK school located in Melaka Tengah District, Melaka corresponding to the chosen research location. The research findings indicate that the Arabic Language proficiency of students and their interest in the Usuluddin subject are at a moderate level. Furthermore, the correlation test results also show that there is a relationship between both variables.

Keywords: Language, Arabic, Usuluddin, Bilingual, KBD, SABK.

Cite This Article:

Muhammad Faiez Ghazali & Harun Baharudin. (2024). Penggunaan Bilingual Bahasa Arab dan Minat Murid dalam Subjek Usuluddin di SABK Melaka Tengah [The Usage Of Bilingual Arabic Language and Student's Interest in The Subject of Usuluddin at SABK School in Melaka Tengah]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(2), 103-115.

PENDAHULUAN

Bahasa Arab diberi perhatian baik di Malaysia sehingga dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran khusus di peringkat pengajian rendah, menengah mahupun institusi pengajian tinggi. Pada peringkat sekolah menengah Bahasa Arab bukan sahaja menjadi subjek teras untuk sekolah aliran agama bahkan juga dijadikan sebagai bahasa pengantar untuk mata pelajaran yang lain khususnya di dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) seperti al-Syariah, Usuluddin, Manahij al-Ulum dan al-Adab wa al-Balaghah.

Mengambil contoh mata pelajaran Usuluddin, ia menggunakan sepenuhnya Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dengan para pelajarnya yang bukan dari kalangan orang Arab dan tidak bertutur di dalam bahasa berkenaan sehari-hari. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui DSKP KSSM Usuluddin menggariskan 9 objektif untuk mata pelajaran ini merangkumi kefahaman tentang akidah, al-Quran dan hadis. Namun, bahasa pengantar yang digunakan menyukarkan mereka memahami isi kandungan pembelajaran yang seterusnya mempengaruhi pencapaian mereka dalam mata pelajaran berkenaan. Maka dengan itu, kajian yang terperinci berkaitan dengan isu-isu yang terkait dengan penggunaan bilingual Bahasa Arab di dalam mata pelajaran Usuluddin KBD perlu dijalankan untuk mengenal pasti kelemahan, kelebihan dan mencari kaedah yang berkesan yang boleh diguna pakai di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran supaya ia memberi kesan positif terhadap pelaksanaannya.

PERNYATAAN MASALAH

Bidang pengajian Usuluddin adalah teras dalam pendidikan dan pengajian Islam. Menurut Anuar Sopian, Salmah dan Kaseh (2013), adanya isu penguasaan bahasa Arab yang lemah memberi kesan sampingan kepada pencapaian di dalam subjek-subjek pendidikan Islam. Penguasaan yang lemah dalam bahasa tersebut membawa kepada pencapaian yang lemah dalam mata pelajaran berkaitan pendidikan Islam. Pelajar menjadi kurang minat dalam pelajaran akibat sukar memahami kandungan mata pelajaran ini.

Para pelajar menjadi tidak bermotivasi untuk mencapai kecemerlangan dalam mata pelajaran pendidikan Islam yang diajar dalam Bahasa Arab seperti Usuluddin dan sebagainya. Mohd. Mansor dan Kamarudin (2004), menyatakan implikasi pembelajaran yang dilaksanakan melalui bukan bahasa ibunda menyebabkan pelajar sukar memahami isi kandungan yang diajar oleh guru. Sehubungan itu, Penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar harus dipertingkatkan (Maimun et al., 2014). Apabila perkara ini berlaku, pencapaian pelajar akan terjejas dan objektif pembelajaran yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Perkara ini memberi implikasi terhadap pembentukan jati diri pelajar. Hal ini menjadi polemik

dalam kalangan pemegang taruh termasuk guru-guru dan murid-murid yang terlibat di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Pelaksanaannya pembelajaran mata pelajaran Usuluddin di dalam Bahasa Arab yang merupakan bahasa asing bagi murid-murid yang terlibat mewujudkan pelbagai pandangan dan respon dalam kalangan mereka. Sebelum memahami isi kandungan pembelajaran mereka terlebih dahulu perlu memahami bahasa penyampaian. Jika diajar di dalam Bahasa Melayu, murid-murid hanya perlu fokus kepada kefahaman isi kandungan pelajaran sahaja tetapi sebaliknya berlaku bagi mata pelajaran Usuluddin KBD ini.

Bagi sesetengah situasi juga murid-murid yang tidak mampu dan sukar memahami kandungan pelajaran Usuluddin berpotensi untuk menjadi tidak berminat untuk mempelajarinya. Mereka cenderung untuk menjadi malas berusaha apabila rasa minat di dalam diri pudar. S Korompot dan M Rahim (2020) di dalam kajiannya menyatakan terdapat banyak faktor yang mempengaruhi minat seseorang. Antaranya adalah faktor kesejahteraan jasmani dan psikologi. Aspek kesihatan jasmani dan psikologi perlu diberi perhatian dalam memastikan murid minat dalam sesuatu subjek. Manakala A Mumpuni dan RU Nurbaeti (2019), pula berpandangan pengaruh minat merangkumi 3 faktor iaitu perasaan, perhatian dan motivasi. Bagi isu pembelajaran Usuluddin yang diajar di dalam Bahasa Arab ini, penguasaan murid-murid yang lemah di dalam bahasa berkenaan boleh memberi perasaan risau dan membuatkan motivasi diri mereka menurun. Hal ini secara tidak langsung mewujudkan rasa kurang minat di terhadap pembelajaran tersebut.

Selain itu, masalah tentang minat pelajar terhadap mata pelajaran Usuluddin menjadi perbincangan kerana ia dikhuatiri mempengaruhi prestasi dan pencapaian mata pelajaran berkenaan. Minat yang pudar akan menjurus kepada kegagalan murid-murid mencapai gred yang baik. Keadaan ini boleh memberikan gambaran yang kurang baik terhadap pelaksanaan mata pelajaran Usuluddin khususnya dan KBD secara umumnya. Ia juga akan menyebabkan kemenjadian murid tidak akan mencapai tahap yang diinginkan jika situasi ini berlaku secara berterusan yang seterusnya memberi gambaran negatif terhadap produk-produk KBD terutamanya mata pelajaran Usuluddin.

TUJUAN KAJIAN

Pemilihan tajuk kajian “Penggunaan Bilingual Bahasa Arab Dan Minat Murid Dalam Subjek Usuluddin Di SABK Melaka Tengah” ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan penggunaan bilingguan Bahasa Arab di dalam mata Pelajaran Usuluddin Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Pengajian Usuluddin yang diajar menggunakan Bahasa Arab yang berbeza berbanding subjek-subjek lain di sekolah menarik minat pengkaji untuk melihat lebih terperinci tentang pelaksanaannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Dengan ini, objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar dalam Bahasa Arab dan mengenal pasti minat pelajar terhadap pembelajaran Usuluddin dalam bahasa berkenaan. Selain itu, ia juga untuk mengenal pasti hubungan antara penguasaan Bahasa Arab

dengan minat terhadap pembelajaran Usuluddin dalam kalangan pelajar di SABK di negeri Melaka.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan berbentuk kajian tinjauan. Ia bermaksud kajian inferensi yang menggunakan data-data terkumpul secara kuantitatif melalui soal selidik dan pemerhatian pengkaji. Data-data yang didapati daripada sampel kajian dengan pemilihan responden dibuat secara rawak di dalam kumpulan sasaran kajian. Seterusnya, data-data tersebut dibuat analisis dan diterjemahkan dalam bentuk statistik. Keputusan ujian kemudiannya akan memberi gambaran tentang hasil kajian yang seterusnya akan memberi kesimpulan terhadap kajian yang dijalankan.

Sampel Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada murid-murid yang mengambil mata pelajaran Usuluddin di Sekolah Menengah Agama JAIM Al-Ahmadi. Sekolah ini merupakan salah satu-satunya Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) sebagai kurikulum akademik sekolah di daerah Melaka Tengah negeri Melaka. Sampel kajian diambil secara rawak dalam kalangan murid-murid sekolah berkenaan. Ia bertujuan untuk mendapatkan keputusan yang adil dan tidak mempunyai kecenderungan yang tidak saksama ketika kajian dijalankan. Persampelan secara rawak dilakukan juga membolehkan setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Seramai 60 orang murid daripada Tingkatan 2 hingga Tingkatan 5 menyertai kajian ini. Mereka diberikan borang soal selidik yang mengandungi sejumlah soalan berkaitan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji telah menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics 20* untuk melihat dapatan kajian yang dihasilkan. Penggunaan perisian berkenaan adalah penting dalam memastikan interpretasi data yang tepat dan dipercayai. Penentuan dapatan kajian berpandukan kepada skor min yang diperoleh bagi soal selidik yang dilakukan. Tiga kategori skor min dibahagikan untuk membezakan tahap yang dicapai bagi setiap item di dalam instrumen soalan selidik tersebut. Skor min 1.00 hingga 2.33 dikategorikan sebagai tahap rendah, 2.34 hingga 3.66 di tahap sederhana dan 3.67 hingga 5.00 berada pada tahap tinggi seperti jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min dan Tahap Pencapaian

Skor	Tahap Pencapaian
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana

3.67 - 5.00

Tinggi

Sumber: (Jamil, 2002)

Manakala interpretasi kekuatan korelasi pula dirujuk berdasarkan jadual 2 di bawah. Lima julat skor min berikut membezakan tahap yang dicapai.

Jadual 2: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap Korelasi
0.01 - 0.09	Ditolak
0.10 - 0.29	Rendah
0.30 - 0.49	Sederhana
0.50 - 0.69	Tinggi
0.70 - 0.99	Sangat Tinggi
1.00	Kukuh

Sumber: Davies (1971)

Demografi Responden

Jadual 3 dan 4 merupakan dapatan demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Seramai 156 orang responden telah menjawab soal selidik ini. Tiada responden ditolak daripada analisis data sepertimana yang diterjemahkan oleh perisian *IBM SPSS Statistics 20*. Responden lelaki seramai 81 orang manakala responden perempuan seramai 75 orang telah mengisi borang soal selidik. Ini bermakna 51.9% responden adalah murid lelaki manakala 48.1% responden adalah murid perempuan. Angka ini adalah munasabah berdasarkan enrolmen sebenar murid mengikut jantina. Mereka adalah murid-murid sekolah di Daerah Melaka Tengah yang mengambil mata pelajaran Usul Al-Din di Sekolah Menengah Agama JAIM Al Ahmadi. Sekolah ini adalah sekolah tunggal SABK yang terletak di Daerah Melaka Tengah menjadikan ia satu-satunya sekolah yang menawarkan subjek Usuluddin KBD di sekolah Daerah Melaka Tengah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27.% murid Tingkatan 1, 19.9% murid Tingkatan 2, 11.5% murid Tingkatan 3, 11.5% murid Tingkatan 4 dan 29.5% murid Tingkatan 5. Ia menjadikan peratus kumulatif 100%.

Jadual 3: Demografi Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	81	51.9
Perempuan	75	48.1

Jadual 4: Demografi Responden Mengikut Tingkatan

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Tingkatan 1	43	27.6
Tingkatan 2	31	19.9
Tingkatan 3	18	11.5
Tingkatan 4	18	11.5
Tingkatan 5	46	29.5

Untuk sebab memilih bersekolah di SABK dan mengambil mata pelajaran Usuluddin serta pengalaman belajar Bahasa Arab pula, dapatan kajian menunjukkan majoriti murid menyatakan sebab bersekolah di SABK adalah atas kehendak keluarga dengan nilai peratusan sebanyak 41.7%. Manakala 38.5% menyatakan mereka bersekolah di sini atas pilihan sendiri. Sebanyak 10.9% pula mengikut cadangan ahli keluarga selain ibu bapa dan penjaga dan selebihnya atas sebab-sebab yang lain sebanyak 9.0%. Data kajian adalah seperti berikut.

Jadual 5: Sebab Memilih Belajar Di SABK

Sebab	Kekerapan	Peratus (%)
Pilihan Sendiri	60	38.5
Kehendak Ibu Bapa/Penjaga	65	41.7
Cadangan Keluarga (selain ibu bapa/penjaga)	17	10.9
Lain-lain	14	9.0

Bagi soalan berkaitan pengalaman belajar Bahasa Arab pula, dapatan kajian menunjukkan lebih separuh yang telah mempunyai pengalaman belajar Bahasa Arab melebihi 5 tahun iaitu 36.5% telah belajar Bahasa Arab selama 5 ke 6 tahun dan 38.5% berpengalaman belajar selama 7 tahun dan ke atas. Bakinya pula sebanyak 12.2% dan 12.8% mempunyai pengalaman di bawah 2 tahun dan 3 ke 4 tahun.

Jadual 6 : Pengalaman Belajar Bahasa Arab

Pengalaman Belajar Bahasa Arab	Kekerapan	Peratus (%)
2 Tahun Ke Bawah	19	12.2
3-4 Tahun	20	12.8
5-6 Tahun	57	36.5
7 Tahun Ke Atas	60	38.5

Tahap Penguasaan Bahasa Arab

Jadual 7 merujuk kepada skor min tahap penguasaan Bahasa Arab murid-murid yang mengambil mata pelajaran Usuluddin di daerah Melaka Tengah. Dapatan menunjukkan

penguasaan murid dalam Bahasa Arab berada pada tahap sederhana.

Jadual 7 : Tahap Penguasaan Bahasa Arab

Soalan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tahap penguasaan Bahasa Arab sedia ada membantu saya memahami objektif pembelajaran subjek Usuluddin.	3.3462	0.96823	Sederhana
Tahap penguasaan Bahasa Arab sedia ada membantu saya memahami isi kandungan subjek Usuluddin.	3.3782	0.98599	Sederhana
Tahap penguasaan Bahasa Arab sedia ada membantu saya memahami penyampaian guru tentang subjek Usuluddin.	3.3910	0.92683	Sederhana
Tahap penguasaan Bahasa Arab sedia ada membantu saya menyampaikan pembentangan subjek Usuluddin di dalam Bahasa Arab.	3.0449	1.02449	Sederhana
Tahap penguasaan Bahasa Arab sedia ada membantu saya memahami pembentangan subjek Usuluddin yang disampaikan oleh rakan sekelas.	3.2500	1.01362	Sederhana
Tahap penguasaan Bahasa Arab sedia ada membantu saya tidak bergantung kepada penggunaan kamus/guru untuk menterjemah makna isi kandungan subjek Usuluddin.	2.8654	1.21329	Sederhana
Tahap penguasaan Bahasa Arab sedia ada membantu saya menghuraikan tajuk-tajuk di dalam subjek Usuluddin.	3.1603	0.99998	Sederhana
Tahap penguasaan Bahasa Arab sedia ada membantu saya mengamalkan ilmu yang dipelajari di dalam subjek	3.5641	1.00437	Sederhana

Usuluddin.

Minat Terhadap Subjek Usuluddin KBD

Jadual 8 pula merupakan dapatan skor min bagi minat murid terhadap subjek Usuluddin. Dapatan menunjukkan minat murid berada pada tahap sederhana.

Jadual 8 : Minat Terhadap Subjek Usuluddin

Soalan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya minat untuk mengetahui tentang subjek Usuluddin yang diajar di dalam Bahasa Arab berbanding Bahasa Melayu.	3.0192	1.08640	Sederhana
Saya minat untuk mengetahui objektif pembelajaran subjek Usuluddin yang diajar di dalam Bahasa Arab berbanding Bahasa Melayu.	3.0064	1.02546	Sederhana
Saya minat untuk mendalami isi kandungan Usuluddin yang ditulis di dalam Bahasa Arab berbanding Bahasa Melayu.	3.0833	1.0513	Sederhana
Saya minat mendengar guru mengajar subjek Usuluddin di dalam Bahasa Arab berbanding Bahasa Melayu.	3.0513	1.06435	Sederhana
Saya minat membuat pembentangan subjek Usuluddin menggunakan Bahasa Arab berbanding Bahasa Melayu.	2.8013	1.08014	Sederhana
Saya minat mendengar pembentangan subjek Usuluddin oleh rakan sekelas menggunakan Bahasa Arab berbanding Bahasa Melayu.	3.0769	1.06885	Sederhana
Saya minat menyambung pengajian	3.1410	1.14412	Sederhana

ke peringkat lebih tinggi di dalam bidang Usuluddin yang diajar di dalam Bahasa Arab berbanding Bahasa Melayu.

Hubungan Antara Tahap Penguasaan Bahasa Arab Dengan Minat Murid Terhadap Subjek Usuluddin

Sebanyak 69.2% bersetuju bahawa penguasaan bahasa arab yang baik mempengaruhi minat mereka belajar subjek Usuluddin. Manakala selebihnya iaitu 30.8% menyatakan bahawa penguasaan bahasa arab tidak mempengaruhi minat mereka terhadap subjek Usuluddin. Dapatan ini disokong dengan perolehan data melalui ujian korelasi Pearson yang dijalankan oleh pengkaji. Data menunjukkan kekuatan korelasi antara penguasaan Bahasa Arab dan minat murid terhadap subjek Usuluddin sangat tinggi dengan ni korelasi Pearson 0.723**. Ia bertepatan dengan hipotesis kajian yang menyatakan penguasaan Bahasa Arab mempengaruhi minat mereka terhadap subjek Usuluddin.

Jadual 9 : Dapatan Ujian Korelasi Pearson

Item	Kekerapan	Korelasi Pearson	Sig. (2-tailed)	Interpretasi Kekuatan Korelasi
Penguasaan Bahasa Arab Minat Terhadap Subjek Usuluddin	156	0.723**	0.001	Sangat Tinggi

PERBINCANGAN

Kajian mendapati tahap penguasaan Bahasa Arab murid SABK di Daerah Melaka Tengah berada pada tahap sederhana. Manakala minat murid terhadap subjek Usuluddin KBD juga berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini bertepatan dengan ujian korelasi Pearson yang menghasilkan interpretasi bahawa hubungan antara penguasaan Bahasa Arab murid dengan minat mereka terhadap subjek Usuluddin berada pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa penguasaan Bahasa Arab murid mempengaruhi minat mereka terhadap subjek Usuluddin. Semua item soalan bahagian tahap penguasaan Bahasa Arab murid mendapat skor min di antara 2.8654 hingga 3.5641. Tidak ada item soalan yang mencapai tahap tinggi bagi item soalan bahagian tersebut. Ini menunjukkan murid-murid SABK di Daerah Melaka Tengah belum mencapai tahap maksimum di dalam penguasaan Bahasa Arab. Masih terdapat ruang yang boleh diperbaiki untuk menambah baik tahap penguasaan Bahasa Arab mereka. Kajian menunjukkan item soalan yang mendapat skor min terendah adalah berkaitan kebergantungan penggunaan kamus atau guru dalam menterjemahkan isi kandungan pelajaran subjek Usuluddin KBD. Ini menggambarkan bahawa masalah utama golongan murid ini adalah kurang kosa kata Bahasa Arab. Ia memberi kesan kepada kefahaman murid terhadap isi kandungan pelajaran yang seterusnya menyebabkan kebergantungan mereka terhadap penggunaan kamus atau guru

untuk menterjemah isi kandungan pelajaran Usuluddin paling tinggi berbanding item-item lain. Putu Eka (2020) menyatakan perkembangan bahasa penting dalam proses pembelajaran. Bagaimana mungkin minat seseorang murid meningkat jika penguasaan bahasa mereka tidak meningkat. Fita Apriatin et. al. (2021) pula menyatakan bahasa mempunyai peranan yang sangat penting di dalam institusi pendidikan. Bahasa adalah tunjang dalam pembelajaran. Ia mempengaruhi minat dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Pendapat di atas secara tidak langsung menyokong dapatan kajian penulis terhadap minat murid SABK di Daerah Melaka Tengah dalam subjek Usuluddin KBD. Minat mereka yang berada pada tahap sederhana didapati berkaitan dengan penguasaan Bahasa Arab mereka. Item soalan pada bahagian minat murid adalah yang terendah berbanding item-item lain untuk kategori minat dengan skor min 2.8013. Item tersebut adalah berkenaan minat murid dalam membuat pembentangan subjek Usuluddin menggunakan Bahasa Arab. Walaupun ia berada pada tahap sederhana seperti item-item lain, dapatan ini menterjemahkan bahawa melakukan pembentangan adalah aktiviti pembelajaran yang paling kurang diminati oleh murid-murid bagi subjek yang dikaji. Justeru itu, pihak-pihak berkepentingan perlu mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi mengatasi isu ini. Langkah yang tepat perlu dilaksanakan bersesuaian dengan kelemahan yang dihadapi merujuk kepada hasil kajian ini. Ia tidak lain tidak bukan adalah dengan cara meningkatkan penguasaan Bahasa Arab murid-murid.

Implikasi Kajian Terhadap Murid

Berdasarkan dapatan akhir kajian, penulis merumuskan murid-murid masih belum mencapai aras yang sepatutnya di dalam penguasaan Bahasa Arab mereka. Data jelas menunjukkan masih terdapat ruang-ruang yang perlu ditambah baik bagi mengatasi isu ini. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek Usuluddin di dalam Bahasa Arab belum mampu menjadikan murid-murid mahir Bahasa Arab. Bahkan dapatan kajian sebaliknya menggambarkan situasi di mana berlakunya pergelutan dalam kalangan kelompok murid ini untuk menimbulkan minat mereka terhadap subjek Usuluddin. Kedua-dua Interpretasi ujian Korelasi Pearson jelas menunjukkan bahawa kedua-dua instrumen penguasaan Bahasa Arab dan minat murid saling mempunyai hubungan. Bahkan ujian korelasi ini menunjukkan ia mempunyai kaitan yang tinggi. Implikasinya adalah pada pencapaian mereka di dalam peperiksaan nanti. Jika tahap penguasaan murid berada pada tahap sederhana, maka minat mereka juga akan berada pada tahap sederhana. Apabila minat murid hanya berada pada aras sederhana, usaha mereka dalam mempelajari subjek tersebut juga tidak akan berada pada tahap maksima. Pada akhirnya, keputusan murid di dalam peperiksaan untuk subjek Usuluddin ini tidak akan mencapai tahap yang cemerlang. Walaubagaimanapun, kajian ini akan memberi impak positif terhadap murid-murid. Mereka pada akhirnya dapat mengenalpasti punca masalah di dalam pencapaian subjek Usuluddin dan akhirnya boleh bertindak untuk mengatasi masalah tersebut.

Implikasi Kajian Terhadap Guru

Untuk guru-guru pula, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada mereka. Dapatan kajian secara tidak langsung telah memberikan guru-guru subjek Usuluddin maklumat-maklumat yang

berguna. Antaranya ialah maklumat berkaitan tahap penguasaan Bahasa Arab murid-murid di lokasi kajian, minat mereka terhadap subjek Usuluddin dan puncanya. Segala maklumat yang tersedia ini boleh dijadikan panduan oleh guru-guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Berpandukan kepada maklumat-maklumat tersebut, guru dapat mengenalpasti kaedah-kaedah baru yang sesuai dan berkesan. Kaedah-kaedah ini boleh dilaksanakan terhadap kelompok murid yang berkenaan bagi melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanaannya. Sememangnya kajian ini dapat membantu guru-guru melakukan perubahan dan mengambil tindakan sewajarnya seiring dengan dapatan kajian yang telah dilakukan ini.

Implikasi Kajian Terhadap Sekolah

Sekolah adalah pemegang taruh utama dalam isu-isu pendidikan. Ia termasuklah dalam isu yang dikaji ini iaitu penguasaan Bahasa Arab murid-murid SABK di Daerah Melaka Tengah dan minat mereka terhadap subjek Usuluddin KBD. Dengan tindakan yang dilakukan oleh murid-murid dan guru-guru subjek Usuluddin seperti yang dibincangkan sebelumnya, sekolah secara umumnya akan mendapat tempiasnya. Tindakan yang diambil oleh murid-murid dan guru-guru berkenaan pasca kajian bakal memberi impak positif kepada sekolah. Sekolah akan mendapat keputusan yang lebih baik di dalam peperiksaan subjek Usuluddin. Selain itu, persekitaran pembelajaran di sekolah berkenaan akan menjadi lebih kondusif dan aktif. Kajian ini membantu semua pihak berkepentingan mengenal pasti isu dan masalah serta mencari solusi yang sesuai. Ia sekaligus membantu pihak sekolah meningkatkan prestasi dan pencapaian murid-murid dalam subjek Usuluddin.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Untuk kajian di masa akan datang, penulis melihat beberapa kajian lanjutan berpotensi untuk diketengahkan. Antara kajian yang boleh dilakukan adalah kajian tentang tahap pencapaian sesuatu subjek berdasarkan minat mereka. Umum mengetahui persepsi bahawa minat seseorang itu mempengaruhi pencapaian mereka dalam satu-satu subjek atau mata pelajaran. Kajian ini boleh membuktikan sama ada persepsi itu betul atau tidak. Selain itu, kajian tentang pencapaian dalam peperiksaan murid-murid SABK berbanding murid-murid SMK, SBP dan MRSM juga boleh dilakukan. Kajian ini dapat boleh memberi gambaran yang lebih baik tentang situasi jenis-jenis sekolah berlainan ini. Masyarakat secara umumnya cenderung untuk melabel jenis-jenis sekolah ini dengan sesuatu label yang berbeza tanpa ada asas yang kukuh serta kajian yang menyokong. Jadi dengan adanya kajian ini persepsi tersebut dapat ditentusahkan sama ada benar atau sebaliknya. Ia juga secara tidak langsung dapat melihat adakah murid-murid dan guru-guru SABK berada pada tahap kualiti yang setara dengan guru-guru di sekolah lain.

RUJUKAN

Apriatin, F., Ermiana, I. & Setiawan, H. 2021. Pengaruh Buku Cerita Bergambar Terhadap Kemampuan Membaca Pemahaman Dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia Siswa Kelas Iii Sdn Gugus 04 Kecamatan Pujut. *Renjana Pendidikan Dasar* 1(2): 77-84.

- Ayu, P. E. S. 2020. Pentingnya Pemahaman Bahasa Tubuh Bagi Para Guru Pendidikan Anak Usia Dini. *Purwadita: Jurnal agama dan budaya* 3(2): 29-36.
- Baba, R., Omar, M. N., Nor, N. Z. M., & Hassan, J. 2021. Permasalahan Pencapaian Akademik Sekolah Rendah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Di Melaka. *Jurnal 'Ulwan* 6(3): 261-270.
- Che Mohd Zaid, Zawawi Ismail, Mohammad Ibrahim Al Jarrah, Mohammad Rusdi Ab Majid, Mohd Ala-uddin Othman & Abdul Wahid Salleh. 2019. Bi'Ah Lughawiyah Dan Pencapaian Pelajar Di Universiti Awam Malaysia: Peranan Sikap Pelajar Sebagai Mediator *Bi'Ah Lughawiyah and Achievement of Students At Malaysian* 4(2): 70–100.
- Fadzil, N. A. & Jaafar, N. 2019. Sikap Pelajar Sekolah Menengah Arab Jabatan Agama Islam Melaka Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Kali Ke-4 (PASAK 4 2019)*, hal. 191.
- Ghani, K. A. 2020. Pengajaran Mata Pelajaran Agama Berasaskan Bahasa Arab Dalam Kurikulum Bersepadu Dini.
- Husaini, M. H., Yusoh, A. M., Mat Ali, A., Mohd Pisol, M. I., Mat Razali, A. S., Mat Saad, D.U & Rani, J. 2018. Kurikulum Bersepadu Dini: Pelaksanaan dan cabaran. *In 4th International Conference on Islamiyyat Studies*, hal. 913-921.
- Ishak, M. F., Sabilan, S., Lip, S. M., & Rashed, Z. N. 2018. Penilaian Pelaksanaan Bidang Usuluddin Dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *International Research Management & Innovation Conference, November*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Dokumen Standard Kurikulum Usuluddin Kurikulum Bersepadu Dini. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. Dasar Pendidikan Kebangsaan. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Korompot, S., Rahim, M., & Pakaya, R. 2020. Persepsi Siswa Tentang Faktor Yang Mempengaruhi Minat Belajar. *JAMBURA Guidance and Counseling Journal* 1(1): 40-48.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin. 2014. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1): 51-61.
- Mohamad Fuad Ishak, Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip & Zetty Nurzuliana Rashed. 2018. Penilaian Pelaksanaan Bidang Usuluddin Dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *International Research Management & Innovation Conference (November)*.
- Mohd Majid Konting. 1993. *Kaedah penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mumpuni, A., & Nurbaeti, R. U. 2019. Analisa faktor yang mempengaruhi minat baca mahasiswa PGSD. *DWIJA CENDEKIA: Jurnal Riset Pedagogik* 3(2): 123-132.
- Nurul Iman Ridzuan & Harun Baharudin. 2021. Hubungan antara Persekitaran Prasarana Bahasa Arab Dengan Tahap Komunikasi Bahasa Arab Pelajar. *International Seminar of Tarbiyah*, hal. 16-26.

Sopian, A., Ahmad, S., & Bakar, K. A. 2013. Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal/Mastery and Problem of Students Against the Balaghah Studies: A Preliminary Survey. *Islamiyyat* 35(1): 93.